

CNS9463

R GB 17-04 00148 88382

AAB

Manathir - wawasan

KUALA LUMPUR, 17 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata maklum-balas dari rakyat kepada wawasan beliau menjadikan Malaysia sebagai negara maju menjelang tahun 2020 adalah sangat baik.

+Setiap orang mahu ingin tahu apakah peranan yang mereka boleh mainkan untuk mencapai matlamat itu,+ katanya.

Perdana Menteri berkata beliau yakin bahawa matlamat tersebut boleh dicapai jika rakyat berkerja keras ke arah matlamat itu.

+Jika ia seorang ahli perniagaan, pekerja atau pentadbir, setiap orang harus memainkan peranan masing-masing... jika kita sanggup berkerja untuk mencapainya,+ katanya kepada para peminat di rumah terbukanya sempena Hari Raya Aidilfitri di Sri Perdana di sini.

Perdana Menteri menegaskan bahawa kerajaan hanya boleh memberi panduan ke arah mencapai matlamat tersebut dan juga bersedia mendengar pandangan dari semua sektor Lagaimana cara untuk mencapai tujuan itu. -- lagi

♥17/04/19-36MST

R GB 17-04 00127 88365

AAB

Manathir - wawasan 2 Kuala Lumpur

+Idea sahaja tidak akan mencapai apa-apa, tetapi kerja yang kita lakukan yang akan mempunyai kesan,+ katanya.

Ditanya mengenai isu Palestin, beliau berkata rakyat Palestin mempunyai hak sendiri untuk memilih para pemimpin mereka.

+Kami setuju kepada sidang timur tengah tetapi rakyat rantau itu harus mempunyai wakil yang dipilih sendiri... Kita semua bercakap tentang demokrasi dan demokrasi memberi hak kepada rakyat untuk memilih para pemimpin sendiri.+

+Jika kita memilih para pemimpin pilihan kita, maka pemimpin itu tidaklah pemimpin demokrasi.+

Datuk Seri Dr Manathir berkata israel tidak mempunyai hak untuk menentukan para pemimpin untuk rakyat Palestin.

Malaysia akan menggunakan segala pengaruh yang ada untuk membantu menyelesaikan isu timur tengah itu. -- Bernama

♥17/04/19-36MST